NEGERI MELAKA

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF MALACCA GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

**Jil. 63** **28hb Mac 2019** **No. 7**

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
(Akta 171)

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976
(Act 171)

**No. 128.**

MAJLIS PERBANDARAN HANG TUAH JAYA

HANG TUAH JAYA MUNICIPAL COUNCIL

AKAUN BAGI TAHUN KEWANGAN 2017

ACCOUNT FOR THE FINANCIAL YEAR 2017

Akaun yang telah diaudit bagi tahun kewangan 2017, bersama-sama dengan pandangan juruaudit, adalah disiarkan menurut subseksyen 60(4) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*].

This audited account for the financial year 2017, together with the auditor's observation, is published pursuant to subsection 60(4) of the Local Government Act 1976 [*Act 171*].

Bertarikh 26 September 2018

Dated 26 September 2018
[MPHTJ/602/01/011;
PUNM. 700-02/6 Jilid 15]

MAHANI BINTI MASBAN
*Yang Dipertua*
*Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya/*
*President*
*Hang Tuah Jaya Municipal Council*

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS PERBANDARAN HANG TUAH JAYA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih serta Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Seksyen 54 Akta 171, Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

*Emphasis of Matter*

Tanpa menjelaskan pendapat Audit, saya ingin menarik perhatian kepada sejumlah RM1,000,000 di dalam hartanah, loji dan peralatan Majlis iaitu Plot A (Lot 6092) 16 unit Gerai Makan. Pada tahun 2012, Majlis telah menerima Pasar Borong dan 16 unit Gerai Makan dari pihak Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah dan merekodkan sebagai satu unit aset Majlis berjumlah RM12,145,000. Pada 1 November 2015, 16 unit Gerai Makan tersebut telah dirobohkan kerana terlibat dengan serahan jalan kepada Pemaju Teobros Development Sdn. Bhd. dan digantikan dengan pembinaan baru 20 unit Medan Selera, Plot B (Lot 16641).

Walaubagaimanapun, sehingga 31 Disember 2017, pihak Majlis masih tidak mengeluarkan nilai 16 unit Gerai Makan tersebut dari senarai daftar aset Majlis yang berjumlah RM1,000,000. Selain itu, pihak Majlis juga tidak merekodkan 20 unit Medan Selera berjumlah RM1,150,000 sebagai ganti kepada 16 unit Gerai Makan yang telah dirobohkan untuk pembinaan jalan oleh pihak pemaju. Hal ini menyebabkan nilai hartanah, loji dan peralatan yang dinyatakan oleh Majlis terkurang nyata.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Ahli Majlis Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta 171. Akta Kerajaan Tempatan 1976 juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

(a) Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya, sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsive terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya, Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah atau mengatasi kawalan dalaman.

(b) Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalam Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya.

(c) Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.

(d) Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

(e) Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Ahli Majlis, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan Dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan seksyen 53 Akta 171, Akta Kerajaan Tempatan 1976, saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Ahli Majlis dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

MELAKA
Bertarikh 4 September 2018

REDZUAN BIN ABDUL SAMAD
*b.p. Ketua Audit Negara Malaysia*

RINGKASAN BELANJAWAN 2019

SUMMARY OF THE BUDGET 2019

Dengan ini diberitahu bahawa menurut kuasa di bawah subseksyen 55(6) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini meluluskan Ringkasan Belanjawan bagi tahun 2019 seperti berikut:

Notice of hereby given that pursuant to the powers conferred by subsection 55(6) of the Local Government Act 1976 [*Act 171*], the State Authority hereby approved the Summary of the Budget for the year 2019 as follows:

RINGKASAN BELANJAWAN 2019

| | Sebenar 2017 RM | Peruntukan 2018 RM | Anggaran 2019 RM | Perbezaan 2018-2019 RM | % 2018-2019 |
|---|---|---|---|---|---|
| HASIL DAN TERIMAAN | | | | | |
| Hasil Cukai | | | | | |
| Cukai Taksiran | 35,984,021.28 | 38,000,000.00 | 42,100,000.00 | 4,100,000.00 | 10.79 |
| Caruman Membantu Kadar | 6,290,954.59 | 7,196,807.19 | 7,196,000.00 | (807.19) | (0.01) |
| Jumlah Hasil Cukai | 42,274,975.87 | 45,196,807.19 | 49,296,000.00 | 4,099,192.81 | 9.07 |
| Hasil Bukan Cukai | | | | | |
| Lesen Terimaan Pendaftaran Dan Permit | 3,787,652.39 | 4,382,690.00 | 4,382,680.00 | (10.00) | (0.00) |
| Bayaran Perkhidmatan | 2,559,751.10 | 1,382,170.00 | 1,310,100.00 | (72,070.00) | (5.21) |
| Perolehan Jualan Barang | 948,173.3 | 422,900.00 | 420,500.00 | (2,400.00) | (0.57) |
| Sewaan | 7,090,255.51 | 8,383,510.00 | 6,338,910.00 | (2,044,600.00) | (24,39) |
| Perolehan Faedah | 1,261,370.23 | 1,429,200.00 | 1,700,000.00 | 270,800.00 | 18.95 |
| Denda dan Hukuman | 1,163,195.38 | 1,382,600.00 | 1,322,600.00 | (60,0000.00) | (4.34) |
| Jumlah Hasil Bukan Cukai | 16,810,397.96 | 17,383,070.00 | 15,474,790.00 | (1,908,280.00) | (10.98) |

| | Sebenar 2017 RM | Peruntukan 2018 RM | Anggaran 2019 RM | Perbezaan 2018-2019 RM | % 2018-2019 |
|---|---|---|---|---|---|
| Terimaan Bukan Hasil | | | | | |
| Pulang Balik Perbelanjaan | 2,593,046.38 | 2,006,244.00 | 595,672.33 | (1,410,571.67) | 0.00 |
| Terimaan Daripada Agensi Lain | 3,528,715.35 | 3,518,086.00 | 3,518,086.00 | 0.00 | 0.00 |
| Sumbangan | 2,345,929.40 | 1,990,000.00 | 1,800,000.00 | (190,000.00) | (9.55) |
| Jumlah Terimaan Bukan Hasil | 8,467,691.13 | 7,514,330.00 | 5,913,758.33 | (1,600,571.67) | (21.30) |
| Jumlah Hasil | 67,553,064.96 | 70,094,207.19 | 70,684,548.33 | 590,341.14 | 0.84 |
| PERBELANJAAN | | | | | |
| Mengurus | | | | | |
| Emolumen | 8,747,941.22 | 11,358,166.29 | 10,657,074.75 | (701,091.54) | (6.17) |
| Perkhidmatan Dan Bekalan | 43,451,675.46 | 47,934,118.66 | 49,336,244.55 | 1,402,125.89 | 2.93 |
| Aset | 1,081,370.49 | 1,629,411.00 | 1,730,670.00 | 101,259.00 | 6.21 |
| Pemberian Dan Kenaan Tetap | 6,751,280.61 | 7,147,578.00 | 7,173,120.00 | 25,542.00 | 0.36 |
| Perbelanjaan lain | 583,188.92 | 971,360.00 | 732,010.00 | (239,350.00) | (24.64) |
| JUMLAH PERBELANJAAN MENGURUS | 60,615,456.70 | 69,040,633.95 | 69,629,119.30 | 588,485.36 | 0.85 |
| PERBELANJAAN PEMBANGUNAN | 1,046,794.63 | 1,000,000.00 | 1,000,000.00 | 0.00 | 0.00 |
| JUMLAH PERBELANJAAN KESELURUHAN | 61,662,251.33 | 79,040,633.95 | 70,629,119.30 | 588,485.35 | 0.84 |
| LEBIHAN/ (KURANGAN) | 5,890,813.63 | 53,573.24 | 55,429.03 | 1,855.79 | 3.46 |

Bertarikh 4 Oktober 2018

Dated 4 October 2018
[MPHTJ/602/01/010;
PUNM. 700-02/6 Jilid 15]

MAHANI BINTI MASBAN
*Yang Dipertua*
*Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya Melaka/*
*President*
*Hang Tuah Jaya Municipal Council*
*Malacca*

Diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri dalam mesyuaratnya pada 12 Disember 2018
[MMKN. P 14 21/2018]

MOHAMAD SAMSI BIN KAMARUDIN
*Setiausaha*
*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Melaka/*
*Secretary*
*State Executive Council*
*Malacca*

**No. 129.**

MAJLIS PERBANDARAN JASIN

JASIN MUNICIPAL COUNCIL

RINGKASAN BELANJAWAN 2019

SUMMARY OF THE BUDGET 2019

Dengan ini diberitahu bahawa menurut kuasa di bawah subseksyen 55(6) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini meluluskan Ringkasan Belanjawan bagi tahun 2019 seperti berikut:

Notice of hereby given that pursuant to the powers conferred by subsection 55(6) of the Local Government Act 1976 [*Act 171*], the State Authority hereby approved the Summary of the Budget for the year 2019 as follows:

RINGKASAN BELANJAWAAN 2019

| | 2017 | 2018 | 2019 | Perbezaan | |
|---|---|---|---|---|---|
| PERKARA | RM | RM | RM | RM | % |
| HASIL DAN TERIMAAN | | | | | |
| Hasil Cukai | 10,159,200 | 12,663,330 | 13,258,000 | 594,670 | 4.7 |
| Hasil Bukan Cukai | 12,009,750 | 12,464,380 | 10,177,570 | (2,286,810) | (18.3) |
| Pelbagai Terimaan | 130 | 130 | 170,010 | 169,980 | 130,753.8 |
| JUMLAH HASIL DAN TERIMAAN | 22,169,080 | 25,127,840 | 23,605,680 | (1,522,160) | (6.1) |
| PERBELANJAAN MENGURUS | | | | | |
| Emolumen | 10,505,742 | 11,481,332 | 11,020,833 | (460,499) | (4.0) |
| Perkhidmatan & Bekalan | 9,373,052 | 11,380,418 | 10,975,747 | (404,671) | (3.6) |
| Aset | 1,365,256 | 1,351,060 | 514,070 | (836,990) | (62.0) |
| Pemberian & Kenaan Tetap | 675,010 | 620,010 | 769,010 | 149,000 | 24.0 |
| Perbelanjaan Lain | 240,020 | 285,020 | 316,020 | 31,000 | 10.9 |
| JUMLAH PERBELANJAAN MENGURUS | 22,159,080 | 25,117,840 | 23,595,680 | (1,522,160) | (6.1) |
| SURPLUS | 10,000 | 10,000 | 10,000 | — | — |

Bertarikh 11 Februari 2019

Dated 11 February 2019
[MPJ/UU/1400-2/1;
PUNM. 700-02/6 Jilid 15]

HAJI MUSTAFFA BIN ALI
*Yang Dipertua*
*Majlis Perbandaran Jasin/*
*President*
*Jasin Municipal Council*

Disahkan pada 3 Januari 2019
[MMKN. P14 13B/21/2018]

MOHAMAD SAMSI BIN KAMARUDIN
*Setiausaha*
*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri*
*Melaka/*
*Secretary*
*State Executive Council*
*Malacca*

KANUN TANAH NEGARA
(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE
(Act 56 of 1965)

**No. 130.**

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan di bawah subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara 1965 [*Akta 56 tahun 1965*] Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk tujuan Membina Gelanggang Futsal Taman Seri Kemendor dan telah menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Perbandaran Jasin.

In exercise of the powers conferred under subsection 62(1) of the National Land Code 1965 [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserves the land described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for the purpose of *Membina Gelanggang Futsal Taman Seri Kemendor* and has designated that the State Secretary of Malacca shall have control of the reserved land and that the reserved shall be maintained by the Jasin Municipal Council.

JADUAL/*SCHEDULE*

Daerah/*District*—Jasin. Mukim/*Mukim*—Kesang. No. Lot/*Lot No.*—4692. No. Pelan *Akui/Certified Plan No.*—P.A. 107485. Keluasan/*Area*—5015 meter persegi/*square metres*.

Bertarikh 7 Februari 2019

Dated 7 February 2019
[PTG(M)S/370/3/7/1656;
MMKN. 9A/15/2016]

MOHAMAD SAMSI BIN KAMARUDIN
*Setiausaha*
*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri*
*Melaka/*
*Secretary*
*State Executive Council*
*Malacca*

**No. 131.**

PERINTAH PENTADBIR TANAH DI BAWAH SEKSYEN 100

ORDER OF LAND ADMINISTRATOR UNDER SECTION 100

Bahawasanya Notis Tuntutan dalam Borang 6A Kanun Tanah Negara telah diserahkan kepada tuan punya tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan suatu catatan tentang penyampaian notis itu telah diendors dalam Daftar Dokumen Hakmilik.

Bahawasanya amaun yang dinyatakan dalam ruang (4) sebagaimana yang ditetapkan dalam notis itu telah tidak dibayar kepada Pentadbir Tanah pada atau sebelum 14 Mei 2018.

Oleh itu, saya dengan Perintah ini mengisytiharkan bahawa tanah itu terlucut hak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Whereas a Notice of Demand in Form 6A of the National Land Code has been served on the proprietor of the land described in the Schedule and a note of the service of such notice has been endorsed on the Register Document of Title.

Whereas the amount specified in column (4) as prescribed in such notice has not been paid to the Land Administrator on or before 14 May 2018.

Therefore, I by this Order declare such land forfeit to the State Authority.

JADUAL/*SCHEDULE*

| Bil. | Mukim<br>No. Lot<br>Keluasan<br>Perihal dan No. Hakmilik<br>Rujukan Fail | Tarikh<br>Penyampaian<br>Borang 6A | Tarikh<br>Pengendorsan<br>Daftar<br>Dokumen<br>Hakmilik | Amaun Kena<br>Bayar Dalam<br>Borang 6A |
|---|---|---|---|---|
| *No.* | *Mukim*<br>*Lot No.*<br>*Area*<br>*Description and No. of Title*<br>*File Reference* | *Date of*<br>*Service of*<br>*Form 6A* | *Date of*<br>*Endorsement*<br>*on Register*<br>*Document of*<br>*Title* | *Amount Due*<br>*in Form 6A* |
| 1. | Bukit Katil<br>746<br>0.3508 hektar/*hectare*<br>G.M. 144<br>PTMT. H.200-1/2016/BK/10 | 14-2-2018 | 30-5-2018 | 153.70 |

Bertarikh 31 Januari 2019

Dated 31 January 2019
[PTMT. H.200-1/2016/BK/10;
PUNM. 700-02/1/174]

DATUK ANIS BINTI ALI HASAN
*Pentadbir Tanah Daerah/*
*District Land Administrator*
*Melaka Tengah*

**No. 132.**

(Seksyen 130)

NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

(Section 130)

NOTICE OF REVERSION TO THE STATE

Bahawasanya, menurut peruntukan seksyen 100 Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisytiharkan dilucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa pelucuthakan tersebut telah berkuat kuasa pada hari ini dan bahawa, oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri—

(a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan; dan

(b) dokumen hakmilik keluaran bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

Whereas, pursuant to the provision of section 100 of the National Land Code, the land scheduled below has by order been declared forfeit to the State Authority.

Notice is hereby given that such forfeiture has this day taken effect and that, in consequence of its vesting in the State Authority—

(a) any title or interest in the land heretofore substituting or capable of rising is extinguished; and

(b) the issue document of title to the land is void and is impoundable by the State.

JADUAL TANAH YANG DILUCUTHAKAN/
*SCHEDULE OF FORFEITED LAND*

| Bil./ *No.* | Mukim/ *Mukim* | No. Lot/ *Lot No.* | Perihal dan No. Hakmilik/ *Depreciation and No. of Title* | Keluasan/ *Area* | Rujukan Fail/ *File Reference* |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | G.M. | Hektar/ *Hectare* | |
| 1. | Bukit Katil | 746 | 144 | 0.3508 | PTMT. H.200-1/2016/BK/10 |

Bertarikh 31 Januari 2019

Dated 31 January 2019
[PTMT. H.200-1/2016/BK/10;
PUNM. 700-02/1/174]

DATUK ANIS BINTI ALI HASAN
*Pentadbir Tanah Daerah/*
*District Land Administrator*
*Melaka Tengah*

**No. 133.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI NIAT UNTUK MENGELUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU DOKUMEN KELUARAN YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

(Section 168)

NOTICE OF INTENTION TO ISSUE TITLE IN CONTINUATION (OR NEW ISSUE DOCUMENT IN LIEU THEREOF)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik yang dikeluarkan telah hilang.

In exercise of the powers conferred by section 168 of the National Land Code, notice is hereby given that it is proposed to replace the issue document of title to the land described in the Schedule below for the following reason:

The issue document of title has been lost.

JADUAL/*SCHEDULE*

| Bil. | Bandar/Pekan/ Mukim | No. Lot/ Petak/P.T. | Jenis dan No. Hakmilik | Keluasan | No. Fail |
|---|---|---|---|---|---|
| *No.* | *Town/Village/ Mukim* | *Lot/Parcel/ L.O. No.* | *Description and No. of Title* | *Area* | *File No.* |
| | | | G.M.M. | Hektar/ *Hectare* | |
| 1. | Parit Melana | 82 | 76 | 0.5033 | PTAG. 0403MD2019000066 |
| 2. | Kelemak | 992 | 503 | 0.3946 | PTAG. 0403MD2019000116 |
| | | | G.M. | | |
| 3. | Ramuan China Besar | 1078 | 40 | 0.8647 | PTAG. 0403MD2019000115 |
| | | | P.M. | Meter Persegi/ *Square Metres* | |
| 4. | Kelemak | 4747 | 1347 | 102 | PTAG. 0403MD2019000065 |

Bertarikh 18 Februari 2019

Dated 18 February 2019
[PTAG. 0403MD2019000066,
PTAG. 0403MD2019000116,
PTAG. 0403MD2019000115,
PTAG. 0403MD2019000065;
PUNM. 700-02/1/174]

MOHD AZLAN BIN ZAINAL
*Penolong Pentadbir Tanah Daerah/*
*Assistant District Land Administrator*
*Alor Gajah*

**No. 134.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI NIAT UNTUK MENGELUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU DOKUMEN KELUARAN YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

(Section 168)

NOTICE OF INTENTION TO ISSUE TITLE IN CONTINUATION (OR NEW ISSUE DOCUMENT IN LIEU THEREOF)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik yang dikeluarkan telah hilang.

In exercise of the powers conferred by section 168 of the National Land Code, notice is hereby given that it is proposed to replace the issue document of title to the land described in the Schedule below for the following reason:

The issue document of title has been lost.

JADUAL/*SCHEDULE*

| Bil. | Mukim | No. Lot | Jenis dan No. Hakmilik | Keluasan | No. Fail |
|---|---|---|---|---|---|
| *No.* | *Mukim* | *Lot No.* | *Description and No. of Title* | *Area* | *File No.* |
| | | | G.M.M. | Hektar/ *Hectare* | |
| 1. | Sungei Udang | 3268 | 1115 | 0.4041 | GH/30/2019 |
| 2. | Pernu | 673 | 389 | 0.1072 | GH/35/2019 |
| 3. | Bukit Rambai | 2324 | 1167 | 0.1489 | GH/31/2019 |
| | | | G.M. | | |
| 4. | Cheng | 557 | 207 | 0.1158 | GH/34/2019 |
| | | | P.M. | Meter Persegi/ *Square Metres* | |
| 5. | Sungei Udang | 2178 | 594 | 112 | GH/31/2019 |
| 6. | Bachang | 1578 | 519 | 59 | GH/36/2019 |

| Bil. | Mukim | No. Lot | Jenis dan No. Hakmilik | Keluasan | No. Fail |
|---|---|---|---|---|---|
| *No.* | *Mukim* | *Lot No.* | *Description and No. of Title* | *Area* | *File No.* |
| | | | G.M.M. | Meter Persegi/ *Square Metres* | |
| 7. | Tanjong Minyak | 10756 | 2054 | 111 | GH/32/2019 |
| 8. | Tanjong Minyak | 10886 | 2183 | 800 | GH/32/2019 |
| 9. | Tanjong Minyak | 10885 | 2182 | 800 | GH/32/2019 |
| 10. | Kawasan Bandar V | 1495 | 1348 | 143 | GH/33/2019 |

Bertarikh 5 Mac 2019
Dated 5 March 2019
[PTMT. GH/30/2019-GH/36/2019;
PUNM. 700-02/1/174]

AZRIL EDDYRA BIN MOKSAN
*Penolong Pentadbir Tanah Daerah/*
*Assistant District Land Administrator*
*Melaka Tengah*

**No. 135.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI NIAT UNTUK MENGELUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU DOKUMEN KELUARAN YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

(Section 168)

NOTICE OF INTENTION TO ISSUE TITLE IN CONTINUATION (OR NEW ISSUE DOCUMENT IN LIEU THEREOF)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik yang dikeluarkan telah hilang.

In exercise of the powers conferred by section 168 of the National Land Code, notice is hereby given that it is proposed to replace the issue document of title to the land described in the Schedule below for the following reason:

The issue document of title has been lost.

JADUAL/*SCHEDULE*

| Bil. *No.* | Bandar/Pekan/ Mukim *Town/Village/ Mukim* | No. Lot/ Petak/P.T. *Lot/Parcel/ L.O. No.* | Jenis dan No. Hakmilik *Description and No. of Title* | Keluasan *Area* | No. Fail *File No.* |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | H.S.(M) | Meter Persegi/ *Square Metres* | |
| 1. | Sempang | P.T. 156 | 443 | 111.5 | PTJ/D/GG/2019/006 |
| | | | G.M.M. | Hektar/ *Hectare* | |
| 2. | Ayer Panas | 914 | 503 | 0.4755 | PTJ/D/GG/2019/007 |
| 3. | Jasin | 1022 | 914 | 0.731 | PTJ/D/GG/2019/008 |
| | | | | Meter Persegi/ *Square Metres* | |
| 4. | Sungei Rambai | 3902 | 2046 | 136 | PTJ/D/GG/2019/009 |
| | | | P.M. | Hektar/ *Hectare* | |
| 5. | Semujok | 13231 | 644 | 0.9915 | PTJ/D/GG/2019/010 |
| | | | | Meter Persegi/ *Square Metres* | |
| 6. | Jasin | 8530 | 2569 | 123 | PTJ/D/GG/2019/011 |
| | | | G.M.M. | Hektar/ *Hectares* | |
| 7. | Chabau | 1454 | 546 | 0.1639 | PTJ/D/GG/2019/012 |
| | | | G.M. | | |
| 8. | Batang Malaka | 159 | 221 | 0.4315 | PTJ/D/GG/2019/013 |
| | | | G.M.M. | | |
| 9. | Umbai | 1527 | 1204 | 0.2605 | PTJ/D/GG/2019/014 |
| | | | P.M. | Meter Persegi/ *Square Metres* | |
| 10. | Umbai | 4577 | 416 | 151 | PTJ/D/GG/2019/015 |

(Sepuluh (10) Hakmilik sahaja)

Bertarikh 8 Mac 2019

Dated 8 March 2019
[PTJ/D/GG/2019/006, 2019/007, 2019/008, 2019/009, 2019/110, 2019/111, 2019/112, 2019/113, 2019/114 dan/*and* 2019/115; PUNM. 700-02/1/174]

AZLIN SHAHIDA BINTI MOHD NOOR
*Penolong Pentadbir Tanah Daerah/*
*Assistant District Land Administrator*
*Jasin*

**No. 136.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI NIAT UNTUK MENGELUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU DOKUMEN KELUARAN YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

(Section 168)

NOTICE OF INTENTION TO ISSUE TITLE IN CONTINUATION (OR NEW ISSUE DOCUMENT IN LIEU THEREOF)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik yang dikeluarkan telah hilang.

In exercise of the powers conferred by section 168 of the National Land Code, notice is hereby given that it is proposed to replace the issue document of title to the land described in the Schedule below for the following reason:

The issue document of title has been lost.

JADUAL/*SCHEDULE*

| Bil.<br>*No.* | Bandar/Pekan/ Mukim<br>*Town/Village/ Mukim* | No. Lot/ Petak/P.T.<br>*Lot/Parcel/ L.O. No.* | Jenis dan No. Hakmilik<br>*Description and No. of Title* | Keluasan<br>*Area* | No. Fail<br>*File No.* |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | G.M.M. | Hektar/ *Hectare* | |
| 1. | Sempang | 288 | 383 | 0.5251 | PTJ/D/GG/2019/016 |
| | | | H.S.(M) | Meter Persegi/ *Square Metres* | |
| 2. | Ayer Panas | P.T. 4204 | 2258 | 390.59 | PTJ/D/GG/2019/017 |
| | | | P.M. | | |
| 3. | Jasin | 4506 | 1289 | 102 | PTJ/D/GG/2019/018 |
| | | 2573 | 85/M1/2/18 | 76 | |
| 4. | Rim | 2573 | 85/M1/1/6 | 70 | PTJ/D/GG/2019/019 |
| | | | G.M.M. | Hektar/ *Hectare* | |
| 5. | Serkam | 254 | 488 | 0.0556 | PTJ/D/GG/2019/020 |
| 6. | Serkam | 3108 | 1732 | 0.0448 | PTJ/D/GG/2019/021 |

| Bil. | Bandar/Pekan/ Mukim | No. Lot/ Petak/P.T. | Jenis dan No. Hakmilik | Keluasan | No. Fail |
|---|---|---|---|---|---|
| *No.* | *Town/Village/ Mukim* | *Lot/Parcel/ L.O. No.* | *Description and No. of Title* | *Area* | *File No.* |
| | | | P.M. | Meter Persegi/ *Square Metres* | |
| 7. | Chinchin | 2885 | 467 | 111 | PTJ/D/GG/2019/022 |
| | | | G.M.M. | Hektar/ *Hectare* | |
| 8. | Sebatu | 1484 | 1749 | 0.7057 | PTJ/D/GG/2019/023 |
| 9. | Nyalas | 2960 | 524 | 0.3731 | PTJ/D/GG/2019/024 |
| 10. | Serkam | 982 | 1003 | 0.1062 | PTJ/D/GG/2019/025 |
| 11. | Serkam | 987 | 1007 | 0.086 | PTJ/D/GG/2019/025 |
| 12. | Serkam | 988 | 1008 | 0.2175 | PTJ/D/GG/2019/025 |
| 13. | Serkam | 1017 | 1031 | 0.1745 | PTJ/D/GG/2019/025 |
| 14. | Jasin | 349 | 657 | 0.6526 | PTJ/D/GG/2019/026 |

(Empat Belas (14) Hakmilik sahaja)

Bertarikh 8 Mac 2019
Dated 8 March 2019
[PTJ/D/GG/2019/016, 2019/017,
2019/018, 2019/019, 2019/020,
2019/021, 2019/022, 2019/023,
2019/024, 2019/025 dan/*and* 2019/026;
PUNM. 700-02/1/174]

AZLIN SHAHIDA BINTI MOHD NOOR
*Penolong Pentadbir Tanah Daerah/*
*Assistant District Land Administrator*
*Jasin*

**No. 137.**

(Seksyen 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

(Section 263)

ORDER FOR SALE AT INSTANCE OF CHARGEE

Saya, Norashikin binti Muhamad Rasidi (KP. 840830-01-6354), Penolong Pentadbir Tanah Daerah Jasin, pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, dengan ini memerintahkan supaya dijual tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini;

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

(a) bahawa jualan itu, hendaklah secara lelongan awam, yang akan diadakan pada 8 Ogos 2019 (Khamis) jam 10.00 pagi di Pejabat Daerah dan Tanah Jasin, Melaka; dan

(b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu hendaklah RM45,000.00 (Ringgit Malaysia: Empat Puluh Lima Ribu sahaja).

2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM28,942.55. Nama Pemegang Gadaian ialah Bank Simpanan Nasional.

3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

(a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang dinyatakan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM4,500.00 (Ringgit Malaysia: Empat Ribu Lima Ratus sahaja);

(b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;

(c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—

(i) maka, jumlah wang dinyatakan dalam perenggan 3(a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan

(ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;

(d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari dari tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 6 Disember 2019 dan bahawa tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah dinyatakan; dan

(e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Batang Malaka. No. Lot—2321. Perihal dan No. Hakmilik—P.M. 756. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—0402SC2005004049. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 5 Mac 2019
[0402AUC2018000056;
PUNM. 700/02/1/174]

NORASHIKIN BINTI MUHAMAD RASIDI
*Penolong Pentadbir Tanah Daerah*
*Jasin*

I, Norashikin binti Muhamad Rasidi (NRIC. 840830-01-6354), Assistant District Land Administrator of Jasin, in exercise of the powers conferred by section 263 of the National Land Code, hereby order the sale of the land described in the Schedule below;

And I further order—

(a) that the sale shall be by public auction, to be held on the 8 August 2019 (Thursday) at 10.00 a.m. in the premises of the District and Land Office of Jasin, Malacca; and

(b) that the reserve price for the purpose of the sale shall be RM45,000.00 (Ringgit Malaysia: Forty-Five Thousand only).

2. I find that the amount due to the chargee at this date is RM28,942.55. Name of Chargee is Bank Simpanan Nasional.

3. The sale shall be subject to the following conditions:

(a) the bidder possesses, the sum equivalent to ten per centum of the reserve price specified under paragraph 1(b) above: RM4,500.00 (Ringgit Malaysia: Four Thousand Five Hundred only);

(b) the full amount of the purchase price may be paid immediately after the fall of the hammer by the successful bidder to the chargee;

(c) where the full amount of the purchase price is not paid after the fall of the hammer by the successful bidder—

(i) then, the sum specified in paragraph 3(a) shall be paid to the chargee and shall be retained as a deposit until the full purchase price has been paid; and

(ii) pending the settlement of the balance of the purchase price, the sum specified in subparagraph (i) shall be credited into the account of the chargor for the purpose of reducing the amount due to the chargee;

(d) the balance of the purchase price shall be settled within a date not later than one hundred and twenty days from the date of the sale, that is, not later than the 6 December 2019 and there shall be no extension of the period so specified; and

(e) where the full purchase price is not settled on or by the date specified in paragraph (d), the sum paid as deposit under paragraph (c) to the chargee shall be forfeited and disposed of in manner specified under section 267.

SCHEDULE OF LAND AND INTEREST

Mukim—Batang Malaka. Lot No.—2321. Description and No. of Title—P.M. 756. Registered and No. of Tile (if any)—0402SC2005004049. (One (1) Title only).

Dated 5 March 2019
[0402AUC2018000056;
PUNM. 700/02/1/174]

NORASHIKIN BINTI MUHAMAD RASIDI
*Assistant District Land Administrator*
*Jasin*

DEPOSIT-DEPOSIT YANG TIDAK DITUNTUT
(Arahan Perbendaharaan 162)

UNCLAIMED DEPOSITS
(Treasury Instruction 162)

**No. 138.**

MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA

ISLAMIC RELIGIOUS COUNCIL OF MELAKA

Bahawasanya deposit-deposit yang dinyatakan dalam Jadual masih tidak dituntut dan disimpan di Majlis Agama Islam Melaka. Dengan ini notis diberikan menurut peruntukan Arahan Perbendaharaan 162 bahawa jika deposit itu masih tidak dituntut dalam masa tiga (3) bulan daripada tarikh pemberitahuan ini disiarkan dalam *Warta*, deposit ini akan dikreditkan kepada hasil Majlis Agama Islam Melaka.

Whereas the deposits described in the Schedule remain unclaimed and are kept at the Islamic Religious Council of Malacca. Notice is hereby given pursuant to the provision of the Treasury Instructions 162 that if the deposits are not claimed within a period of three (3) months from the date of this notifications is published in the *Gazette*, the deposits will be credited to the Islamic Religious Council of Malacca revenue.

JADUAL/*SCHEDULE*

1. PREMIS WAKAF

| Bil./ *No.* | Nama/*Name* | No. Resit/ *Receipt No.* | Tarikh/ *Date* | Amaun/ *Amount* (RM) |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Mohamad Nor bin Haji Sidek | 6836 | 17-2-2000 | 2,380.00 |
| 2. | Norsiah binti Abdullah | 30733 | 25-11-2010 | 75.00 |
| 3. | Nazri bin Kassim | 7617 | 3-5-2006 | 80.00 |
| 4. | Md Azhar bin Baharum | 6841 | 2-3-2000 | 810.00 |

| Bil./ *No.* | Nama/*Name* | No. Resit/ *Receipt No.* | Tarikh/ *Date* | Amaun/ *Amount* (RM) |
|---|---|---|---|---|
| 5. | Mazlan bin Osman | 9835 | 2-1-2008 | 450.00 |
| 6. | Normah Minachee | 13054 | 30-8-2001 | 600.00 |
| 7. | Md Anuar Muda | 6673 | 4-6-1999 | 548.36 |
| 8. | Haji Kasim bin Endon | 5058 | 15-3-2000 | 400.00 |
| 9. | Osman bin Abu Bakar | 6911 | 23-6-2000 | 2,380.00 |
| 10. | Jamaludin bin Salleh | 7648 | 19-12-2006 | 900.00 |
| 11. | Mohd Shahril bin Abu Hasan | 10759 | 18-12-2007 | 600.00 |
| 12. | Norita binti Mohtar | 7606 | 26-4-2006 | 60.00 |
| | | | Jumlah | 9,283.36 |

2. PREMIS BAITULMAL

| Bil./ *No.* | Nama/*Name* | No. Resit/ *Receipt No.* | Tarikh/ *Date* | Amaun/ *Amount* (RM) |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Haji Husin bin Duyut | 10552 | 1-7-1999 | 50.00 |
| 2. | Tan Guat Eng | 9355 | 26-2-1998 | 400.00 |
| 3. | Ab Razak Md Ali | 8096 | 6-11-2006 | 2,600.00 |
| | | | Jumlah | 3,050.00 |

Bertarikh 19 November 2018

Dated 19 November 2018
[MAIM/P/855/2 Klt. 9;
PUNM. 700-02/39]

HAJI ADLY BIN ZAHARI
*Pengerusi/Chairman*
*Majlis Agama Islam Melaka*

**Hakcipta Pencetak** (H)
**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**
Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

PNMB
DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA